


Laporan Tahunan 1992

ANNUAL REPORT



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)
Institute of Islamic Understanding Malaysia



LAPORAN TAHUNAN *ANNUAL REPORT*

1 9 9 2

KANDUNGAN

CONTENT

	Muka surat		<i>Page</i>
1. Lembaga Pengarah	1	1. <i>Board of Directors</i>	1
2. Pengurusan Kanan Institut	2	2. <i>Senior Management</i>	2
3. Penyata Pengerusi	3-10	3. <i>Chairman's Statement</i>	3-10
4. Laporan Aktiviti Bagi 1992	11-16	4. <i>Report of Activities in 1992</i>	11-16
5. Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan Bagi 1992	19-29	5. <i>1992 Directors' Report, and Financial Statements for 1992</i>	33-43

LEMBAGA PENGARAH/ *Board of Directors*

Pengerusi/ *Chairman:*

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid
mulai 15 Mac 1992

Ahli-ahli/ *Members:*

Y. Bhg. Tan Sri Datuk Prof. Ahmad bin Mohd. Ibrahim
mulai 18 Februari 1992

Y. Bhg. Dato' Ahmad Nordin bin Haji Mohd. Zain
mulai 18 Februari 1992

Y. Bhg. Dato' Dr. Ismail bin Haji Ibrahim
mulai 16 April 1992

Y. Bhg. Prof. Dr. Mohd. Kamal bin Hassan
mulai 9 Jun 1992

Tuan Haji Zainal Abidin bin Abd. Kadir
mulai 9 Jun 1992

Setiausaha/ *Secretary:*

Encik Subhan bin Jasmon
mulai 16 April 1992

PENGURUSAN KANAN/*Senior Management*

Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid
Pengerusi/*Chairman*

Dato' Dr. Ismail bin Haji Ibrahim
Ketua Pengarah/*Director General*

KAJIAN/*Research*

Datuk Dr. Syed Othman bin
Syed Hussain Alhabshi
Timbalan Ketua Pengarah/*Deputy Director
General*

Prof. Madya Dr. Haji Faisal bin Haji Othman
Fellow Kanan/*Senior Fellow*

Encik Aidit bin Haji Ghazali
Fellow/*Fellow*

Encik Mohd. Ridhuan Tee Abdullah
Pegawai Penyelidik/*Research Officer*

Cik Siti Fatimah bt. Abdul Rahman
Pegawai Penyelidik/*Research Officer*

Encik Ahmad Faiz bin Abdul Rahman
Pegawai Penyelidik/*Research Officer*

PENTADBIRAN/*Administration*

Encik Subhan bin Jasmon
Setiausaha/*Secretary*

Encik Che Pee bin Samsudin
Akauntan/*Accountant*

Tuan Haji Abdul Kadir bin Che' Mat
Pengurus Program/*Programme Manager*

Encik Alias bin Ibrahim
Pengurus Penerbitan/*Publishing Manager*

Cik Azizah bt. Abdul Malek
Pegawai Pentadbir/*Administrative Officer*

PENYATA Pengerusi

IKIM telah didaftarkan sebagai sebuah syarikat berhad dengan jaminan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 18 Februari 1992 dan dilancarkan pada 3 Julai 1992 oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Sempena dengan pelancaran IKIM itu, satu kongres peringkat kebangsaan telah diadakan bertemakan "Menjelang Abad 21: Islam dan Wawasan 2020" di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.



CHAIRMAN'S STATEMENT

IKIM was registered as a company limited by guarantee under the Companies Act 1965 on 18 February 1992 and was officially launched on 3 July 1992 by the Right Honourable Prime Minister. In conjunction with the official launching a national congress with the theme "The Advent of the 21st Century: Islam and Vision 2020" was held at the Putra World Trade Centre, Kuala Lumpur.

Untuk mencapai matlamat penubuhannya IKIM akan melaksanakan aktiviti berikut:

- Mengendalikan kajian-kajian penting yang boleh menghasilkan rumusan-rumusan bagi menyelesaikan isu-isu yang menyentuh dasar dan pemikiran umum;
- Menghasilkan penerbitan-penerbitan termasuk surat berita, majalah, jurnal dan buku-buku untuk bacaan umum dan kumpulan sasaran tertentu; dan
- Menganjurkan forum, perbincangan, persidangan dan dialog untuk memberi peluang percambahan fikiran dan penyelesaian di atas tajuk-tajuk tertentu.

IKIM will carry out the following activities:

- *to undertake studies that could generate views and options to solve issues relating to public policies and opinion in the context of Islam;*
- *to publish and issue news-letters, magazines, journals and books for public consumption and specific target groups; and*
- *to conduct and organise Seminars, forums, discussions, conferences and dialogues to enable free-flow of views and opinions directed toward solving specific problems and issues.*

IKIM was established to assist in the formation of opinions and perspectives on several matters of concern to Islam and its followers. In this respect, the Right Honourable Prime Minister,



IKIM ditubuhkan untuk membentuk pandangan-pandangan yang terbuka mengenai berbagai isu yang dihadapi oleh negara, Islam dan penganut-penganutnya. Di dalam konteks ini Y.A.B. Perdana Menteri ketika melancarkan IKIM telah menegaskan:

“Justeru itu Institut Kefahaman Islam Malaysia ini tidak harus bimbang akan tentangan terhadap kebenaran yang akan mereka temui dalam penyelidikan mereka mengenai agama Islam dan amalan-amalan serta keper-



Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad on the occasion of the official launching of IKIM stated:

“As such, the Institute of Islamic Understanding, Malaysia should not fear the opposition it may face once it discovers truth as a result of its studies and research on Islam, its practices and beliefs. As long as there is no other motive other than the pursuance of the truth in the interest of developing the religion, faith and its people and countries, Islam will not be undermined from these studies”.



cayaan-kepercayaan umat Islam sekarang. Asalkan tidak ada niat yang lain daripada mencari kebenaran demi memajukan agama, umat dan negara Islam, agama Islam tidak akan tercemar dengan kajian-kajian yang dibuat”.

Selanjutnya Y.A.B. Perdana Menteri juga telah menekankan peri-pentingnya peranan ke-

The Prime Minister further asserted the important role of religion in development when he stated:

“The country’s objective is to be a fully developed country by the year 2020. The definition of a developed nation has already been explained. It definitely does not mean material



agamaan di dalam pembangunan apabila beliau menyebut:

"Matlamat negara ialah supaya pada tahun 2020 kita akan menjadi sebuah negara maju. Ia tidak bermakna pembangunan material yang membelakangkan kerohanian. Matlamat kita ialah sebuah negara yang maju daripada segi ilmu, kecekapan dan kekayaan tetapi yang tidak kehilangan moral dan pegangan kepada ajaran agama".

development which disregards spirituality. Our objective is a nation which is developed in terms of knowledge, efficiency and affluence without losing our moral values and religious teachings".

With only five senior officers and a skeletal number of support staffs, IKIM was successful in carrying out several programs and activities as follows:



Dengan hanya mempunyai lima orang Pegawai Kanan dan beberapa orang kakitangan sokongan, IKIM telah berjaya menjalankan beberapa program dan aktiviti seperti berikut:

- Mengadakan kongres kebangsaan; "Menjelang Abad 21: Islam dan Wawasan 2020" pada 3 - 4 Julai 1992.
- Menerima lawatan Ketua Menteri Melaka dan Y.B. Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Melaka pada 9 Julai 1992.

- Organised a national congress on "The Advent of the 21st Century: Islam and Vision 2020" on 3-4 July 1992.
- Hosted the official visit of the Chief Minister of Malacca and honourable members of the State Legislative Assembly of Malacca on 9 July 1992.
- Conducted a dialogue with Muslim converts on 28 August 1992.
- Organised a convention on "Challenges Facing Mus-




- Mengadakan dialog dengan saudara baru pada 28 Ogos 1992.
- Mengadakan konvensyen "Cabaran Umat Islam Menjelang Abad 21" di Melaka pada 26 - 27 September 1992.

lim Ummah In The Advent of The 21st Century" in Malacca on 26-27 September 1992.

- Mengadakan dialog di antara IKIM dan Majlis Perundingan Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh pada 30 September 1992.
- Mengadakan dialog dengan

- *Conducted a dialogue between IKIM and the Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism on 30 September 1992.*



saudara baru pada 22 Oktober 1992.

- Mengadakan bengkel yang bertemakan "Kefahaman Orang Bukan Islam Tentang Islam dan Kesannya

- *Conducted a dialogue with Muslim converts on 22 October 1992.*
- *Organised a workshop On "The Understanding of Islam By Non-Muslims*



Terhadap Peningkatan Syiar Islam Di Malaysia" pada 16 November 1992.

and Its Impact on Upgrading The Image of Islam in Malaysia" on 16 November 1992.

- Mengadakan majlis perjumpaan dengan pengarang dan editor akhbar-akhbar tempatan dan media elektronik pada 10 Disember 1992.
- Mengadakan forum IKIM di Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) bertajuk "Perpaduan Kaum di Malaysia" pada 2 November 1992 dan "Kerjasama Perniagaan Di antara Kaum" pada 7 Disember 1992.
- Sumbangan artikel secara tetap di dalam ruangan tetap Utusan Malaysia.
- Menghasilkan surat berita yang sulung yang dinamakan Perspektif IKIM.

Kerajaan melalui Perbendaharaan Malaysia telah bermurah hati menyediakan peruntukan pelancaran (launching grant) sebanyak RM2.0 juta bagi tahun 1992. Jumlah itu adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus sebanyak RM1.5 juta dan RM0.5 juta lagi untuk mengubahsuai bangunan. Daripada jumlah RM1.5 juta perbelanjaan mengurus, IKIM telah membelanjakan sebanyak RM1,405,198. Sebanyak RM500,000 untuk tujuan mengubahsuai bangunan telah tidak dibelanjakan kerana IKIM telah disediakan peruntukan yang lain untuk tujuan membina bangunannya sendiri.

Kerajaan juga telah menyediakan sebidang tanah yang luasnya tujuh ekar di Jalan Langgak Tunku, off Jalan Duta untuk tujuan projek bangunan IKIM. Untuk tujuan pembinaan, peruntukan sebanyak RM10.0 juta di bawah peruntukan perbelanjaan pembangunan telah disediakan oleh Kerajaan. Kerja-kerja tanah dan pembinaan bangunan telah dimulakan pada bulan November 1992. Bangunan IKIM yang lengkap dengan kemudahan pejabat, perpustakaan, dewan, bilik persidangan, bilik pegawai-pegawai kanan dan dapur dijangka akan siap dibina dalam tempoh 32 minggu iaitu pada akhir bulan Ogos 1993.

IKIM juga telah meminta kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri dan syarikat-syarikat swasta untuk mendapatkan sumbangan kewangan. Dalam tahun 1992, sumbangan yang diterima daripada enam Kerajaan Negeri dan 21 syarikat swasta kesemuanya berjumlah RM1,503,537. Penyumbang yang terbesar adalah Permodalan Nasional Berhad (PNB) sebanyak RM1.0 juta dan

- *Organised a discussion with editors and writers representing the printed and electronic media on 10 December 1992.*
- *IKIM's core personnel taking part in RTM's forums, i.e. 'Ethnic Integration In Malaysia' on 2 November 1992. Following this, another forum on 'Business Cooperation Among Different Ethnic Groups' on 7 December 1992.*
- *Contributed articles to Utusan Malaysia.*
- *Published the first newsletter called 'Perspektif IKIM'.*

The Government provided a launching grant amounting to RM2.0m for the year 1992. The amount allocated for operating expenditure was RM1.5m and for building renovation was RM0.5m. From the sum of RM1.5m for operating expenditure, IKIM had spent a total amount of RM1,405,198. The amount RM0.5m allocated for building renovation was not spent because IKIM was provided subsequently with a separate allocation for the construction of its own building.

The Government has also allowed land with an area of 7 acres at the Jalan Langgak Tunku, Off Jalan Duta to be occupied for the building project. For the construction of the building, a sum of RM10.0m under the development expenditure allocation was provided by the Government. Earth-works and building construction was started in November 1992. The building equipped with office facilities, a library, a hall, conference rooms, senior research officers' rooms and kitchen is expected to be completed within a period of 32 weeks and it is expected to be ready in late August 1993.

IKIM has also sought financial contribution from State Governments and private corporations. In 1992, the contributions received from six State Governments and 21 private corporations came to a total amount of RM1,503,537. The biggest contribution received was from Permodalan Nasional Berhad (PNB) amounting to RM1.0m and Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) amounting to RM250,000.

Apart from being dependent on the expertise available, as a research agency, IKIM has to

Perbadanan Petroleum Nasional (PETRONAS) sebanyak RM250,000.

Di samping bergantung kepada kepakaran yang ada sebagai sebuah agensi penyelidikan, IKIM memerlukan sebuah Perpustakaan. IKIM telah mula merancang untuk menubuhkan sebuah Perpustakaan yang lengkap untuk kegunaan penyelidikan. Oleh kerana ruang adalah terhad, IKIM telah berbelanja sebanyak RM34,440 untuk memperolehi buku-buku. Usaha untuk memperbesar perpustakaan akan diteruskan dengan peruntukan RM460,000 yang akan diterima bagi tahun 1993 dan 1994.


Sebagai sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan untuk menjalankan program-program kajian dan pengembangan, IKIM akan berazam untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti dengan cekap, berwibawa dan berhemah tinggi. IKIM sentiasa berhati-hati di dalam pemilihan dan perlantikan pegawai dan kakitangan untuk memastikan supaya hanya mereka yang benar-benar berkemampuan dan berkualiti akan diambil dan IKIM akan berusaha untuk memperlihatkan sebagai sebuah organisasi yang mempunyai daya kepimpinan yang tinggi dan ciri-ciri organisasi yang baik serta membawa imej korporat yang cemerlang.

Dengan mengambilkira jumlah pegawai dan kakitangan yang terhad dan usianya baru beberapa bulan sahaja, IKIM telah mula dikenali oleh masyarakat umum sebagai sebuah organisasi yang berpotensi untuk memainkan peranan yang penting di dalam kemajuan negara, agama dan perpaduan di Malaysia.

develop its own library. IKIM is planning to set up a library which is adequate for research purposes. Owing to space limitation and other constraints IKIM has only spent a total of RM34,440 to purchase books. Effort to extend the library shall be continued with a total allocation of RM460,000 to be provided in 1993 and 1994.

As an agency responsible to the Government in carrying out research programmes and their development, IKIM strives to materialise such activities with the highest quality, efficiency and dedication. IKIM will continue to be very careful in the selection and appointment of officers and support staffs, so as to ensure that only those who are really qualified and with the correct attitude towards work and the objectives of the organization will be recruited. IKIM will strive to be an organization which has high leadership qualities and possesses good organizational attributes and the ability to sustain an excellent corporate image.

Being a fairly new institution with very limited number of staff, IKIM has established its reputation as an organization that can play an important role in nation building and in bringing about religious and racial harmony.



**Y. Bhg. Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji
bin Abdul Hamid
Pengerusi**

LAPORAN AKTIVITI BAGI 1992 Penubuhan dan Matlamat

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah ditubuhkan sebagai sebuah syarikat berhad dengan jaminan (limited by guarantee) di bawah Akta Syarikat 1965. IKIM ditadbirkan oleh sebuah Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab kepada Y.A.B. Perdana Menteri.

Institut ini ditubuhkan untuk mencapai matlamat berikut:

- Menjalankan aktiviti penyelidikan dan aktiviti rundingan yang akan melibatkan penyelidikan menyeluruh dan bersepadu tentang peranan Islam dan umat Islam untuk menghadapi hakikat semasa yang timbul hasil dari keadaan dunia yang berubah-ubah;
- Menjadi forum bagi sarjana Islam dan bukan Islam untuk membincangkan dan menganalisis isu yang menjadi kepentingan dan prihatin bersama;
- Mewujudkan kesedaran dan kefahaman yang mendalam tentang isu-isu antarabangsa yang mungkin mempunyai kesan langsung atau tidak langsung kepada umat Islam; dan
- Bertindak sebagai sumber maklumat bagi hal ehwal umat Islam dan memberi sumbangan kepada penggubalan dasar pada peringkat negara, serantau dan antarabangsa.

Laporan Kegiatan dan Pencapaian Bagi 1992

IKIM telah ditubuhkan pada 18 Februari 1992. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid telah dilantik oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 15 Mac 1992 sebagai Pengerusi IKIM. Y. Bhg. Dato' Dr. Ismail bin Haji Ibrahim telah dilantik sebagai Ketua Pengarah IKIM pada 16 April 1992. Encik Subhan bin Jasmon telah dipinjamkan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai Setiausaha IKIM pada 16 April 1992.

Lembaga Pengarah

Sepanjang tahun 1992, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak empat kali pada tarikh-tarikh berikut:

REPORT OF ACTIVITIES IN 1992 Incorporation and Objectives

The Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM) was incorporated under the Companies Act 1965 as a company limited by guarantee. The Board has absolute control over all the affairs of the Institute and responsible to the Prime Minister.

The Institute was formed so as to achieve the following objectives:

- *to carry out independent and collaborative researches as well as consultancy activities that probe issues from the holistic and integrated Islamic viewpoints. Much of these activities are directed at dealing with contemporary challenges that arise out of the changes enveloping the world;*
- *To function as a forum for scholars, both Muslims and non-Muslims to discuss and analyse issues of common concern;*
- *To create in-depth awareness and understanding of international issues that will likely affect the Muslims; and*
- *To be the source of information concerning Muslim affairs globally, and to contribute towards policy formulation at national, regional and international levels.*

Report On Activities and Achievement For 1992

IKIM was incorporated on 18 February 1992. The Honourable Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid was appointed as the first Chairman of IKIM by the Right Honourable Prime Minister on 15 March 1992. The Honourable Dato' Dr. Ismail bin Haji Ibrahim was appointed as the Director General of IKIM on 16 April 1992. Encik Subhan bin Jasmon was seconded from the Public Services Department as the Secretary of IKIM on 16 April 1992.

Board of Directors

The Board of Directors meeting held for the year 1992 were as follows:

- *11 May 1992*
- *23 July 1992*

- 11 Mei 1992
- 23 Julai 1992
- 7 Ogos 1992
- 15 Oktober 1992

Mesyuarat Lembaga Pengarah telah menubuhkan tiga Jawatankuasa kecil berikut:

- Jawatankuasa Perlantikan dan Perjawatan
- Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan
- Jawatankuasa Tatatertib dan Disiplin

Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut telah bermesyuarat seperti berikut:

- Jawatankuasa Perlantikan dan Perjawatan pada 18 September 1992.
- Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan pada 18 September 1992.

Pengambilan Pegawai dan Kakitangan

Pegawai dan kakitangan IKIM yang dilantik dalam tahun 1992 adalah seperti berikut:

1. Dato' Dr. Ismail bin Haji Ibrahim
Ketua Pengarah dilantik pada 16 April 1992.
2. Datuk Dr. Syed Othman bin Syed Hussain Alhabshi,
Timbalan Ketua Pengarah dilantik pada 1 Julai 1992.
3. Encik Subhan bin Jasmon,
Setiausaha dilantik pada 16 April 1992.
4. Dr. Haji Faisal bin Haji Othman
Fellow Kanan dilantik pada 1 Jun 1992.
5. Encik Aidit bin Haji Ghazali,
Fellow dilantik pada 1 Julai 1992.
6. Encik Che Pee bin Samsudin
Akauntan dilantik pada 7 Ogos 1992.
7. Tuan Haji Abdul Kadir bin Che' Mat
Pengurus Program dilantik pada 16 November 1992.
8. Encik Alias bin Ibrahim,
Pegawai Penerbitan dilantik pada 30 Oktober 1992.
9. Encik Mohd. Ridhuan Tee Abdullah
Pegawai Penyelidik dilantik pada 1 Oktober 1992.
10. Cik Siti Fatimah bt. Abdul Rahman
Pegawai Penyelidik dilantik pada 1 Oktober 1992.

- 7 August 1992
- 15 October 1992

The Board of Directors has delegated part of its responsibilities to the following sub-committees:

- *Appointment and Establishment Committee*
- *Financial and Investment Committee*
- *Disciplinary Committee*

The sub-committee meetings in 1992 are as follows:

- *Appointment and Establishment Committee on 18 September 1992*
- *Financial and Investment Committee on 18 September 1992*

Appointment of Officers and Supporting Staffs

The officers and staffs of IKIM appointed in 1992 are as follows:

1. *Dato' Dr. Ismail b. Haji Ibrahim, Director General, 16 April 1992.*
2. *Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi, Deputy Director General, 1 July 1992.*
3. *Encik Subhan bin Jasmon, Secretary, 16 April 1992.*
4. *Dr. Haji Faisal bin Haji Othman, Senior Fellow, 1 June 1992.*
5. *Encik Aidit b. Ghazali, Fellow, 1 July 1992.*
6. *Encik Che Pee b. Samsudin, Accountant, 7 August 1992.*
7. *Tuan Haji Abdul Kadir b. Che' Mat, Programme Manager, 16 November 1992.*
8. *Encik Alias bin Ibrahim, Publication Officer, 30 October 1992.*
9. *Encik Mohd Ridhuan Tee b. Abdullah, Research Officer, 1 October 1992.*
10. *Cik Siti Fatimah bt. Abdul Rahman, Research Officer, 1 October 1992.*
11. *Encik Ahmad Faiz b. Abdul Rahman, Research Officer, 2 November 1992.*
12. *Cik Azizah bt. Abdul Malek, Administrative Officer, 1 May 1992.*

11. Encik Ahmad Faiz bin Abdul Rahman
Pegawai Penyelidik dilantik pada
2 November 1992.
12. Cik Azizah bte Abdul Malek,
Pegawai Pentadbir dilantik pada 1 Mei 1992.
13. Cik Fatimah bt. Ahmad,
Kerani Besar Kewangan dilantik pada
1 Jun 1992.
14. Encik Abdull Rahim bin Jaafar
Kerani Pentadbiran dilantik pada
16 Oktober 1992.
15. Puan Maimon bt. Abdul Aziz
Pembantu Khas dilantik pada 1 Jun 1992.
16. Puan Norfisah bt. Yahaya
Pembantu Khas dilantik pada 1 Jun 1992.
17. Cik Rose Azla bt. Ramli
Pembantu Khas dilantik pada
1 September 1992.
18. Cik Norziah bt. Haji Omar
Jurutaip dilantik pada 1 Mei 1992.
19. Cik Shaliza bt. Ibrahim
Jurutaip dilantik pada 1 Jun 1992.
20. Cik Rohanum bt. Abdullah
Jurutaip dilantik 2 Disember 1992.
21. Encik Ahmad bin Sulop
Pemandu dilantik pada 1 November 1992.
22. Encik Abdul Rahman bin Hamdan
Pemandu dilantik pada 1 Jun 1992.
23. Encik Abdul Razak bin Abdul Hamid
Pemandu dilantik pada 3 Ogos 1992.
24. Encik Mad Naim bin Abdullah
Pemandu dilantik pada 3 Ogos 1992.
25. Encik Fatkhulmugin bin Mohd. Yusof
Pembantu Pejabat dilantik pada 17 Julai 1992.

Persidangan

Persidangan-persidangan yang telah diadakan dalam tahun 1992 adalah seperti berikut:

- Kongres "Menjelang Abad 21: Islam dan Wawasan 2020" pada 3 - 4 Julai 1992 dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Seramai 273 orang peserta telah menghadiri persidangan tersebut. Persidangan ini telah diadakan bersempena dengan pelancaran IKIM oleh Y.A.B. Perdana Menteri.

13. Cik Fatimah bt. Ahmad,
Chief Clerk (Finance), 1 June 1992.
14. Encik Abdull Rahim b. Jaafar,
Clerk (Administration and Personnel), 16
October 1992.
15. Puan Maimon bt. Abdul Aziz,
Personal Assistant, 1 June 1992.
16. Puan Norfisah bt. Yahaya,
Personal Assistant, 1 June 1992.
17. Cik Rose Azla bt. Haji Ramli,
Personal Assistant, 1 September 1992.
18. Cik Norziah bt. Haji Omar,
Typist, 1 May 1992.
19. Cik Shaliza bt. Ibrahim,
Typist, 1 June 1992.
20. Cik Rohanum bt. Abdullah,
Typist, 2 December 1992.
21. Encik Ahmad b. Sulop,
Driver, 1 November 1992.
22. Encik Abdul Rahman b. Hamdan,
Driver, 1 June 1992.
23. Encik Abdul Razak b. Abdul Hamid,
Driver, 3 August 1992.
24. Encik Mad Naim b. Abdullah,
Driver, 3 August 1992.
25. Encik Fatkhulmugin b. Mohd Yusof,
Office Assistant, 17 July 1992.

Conferences

In 1992, IKIM held the following conferences:

- *The conference on "The Advent of the 21st Century: Islam and Vision 2020" 3- 4 July, 1992 in cooperation with the Economic Planning Unit of the Prime Minister's Department. 273 participants attended the conference which was held in conjunction with the launching of IKIM by the Right Honourable Prime Minister.*
- *The conference on "Challenges Facing the Muslim Ummah at The Advent of the 21st Century" 26-27 September 1992. In cooperation with the state government of Malacca.*

- Konvensyen “Cabaran Umat Islam Menjelang Abad 21” pada 26 - 27 September 1992 dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka.

Perspektif IKIM

IKIM telah menghasilkan penerbitannya yang sulung iaitu Perspektif IKIM yang mengandungi antara lain:

- Amanat Y.A.B. Perdana Menteri;
- Perutusan Y.Bhg. Tan Sri Dato’ Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Pengerusi IKIM;
- Perutusan Y.Bhg. Dato’ Dr. Ismail bin Haji Ibrahim, Ketua Pengarah IKIM;
- Perbincangan khusus dengan saudara baru Islam dan Islamic Outreach ABIM;
- Konvensyen IKIM di Melaka dan ucapan perasmian Y.A.B. Ketua Menteri Melaka;
- Dialog antara agama; dan
- Rancangan penyelidikan IKIM.

Dialog

IKIM telah mengadakan lima dialog disepanjang tahun 1992 seperti berikut:

- Dialog belanjawan 1993 dengan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kewangan pada 3 Ogos 1992;
- Dialog dengan saudara baru Islam pada 28 Ogos 1992 dan 22 Oktober 1992;
- Perbincangan dengan Islamic Outreach ABIM pada 8 September 1992; dan
- Perbincangan dengan Majlis Perundingan Antara Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh pada 20 September 1992;

Pertemuan Dengan Y.A.B. Perdana Menteri

Pada 12 Ogos 1992 ahli-ahli Lembaga Pengarah dan pegawai-pegawai kanan IKIM telah mengadakan pertemuan dengan Y.A.B. Perdana Menteri berbincang mengenai matlamat dan skop kerja IKIM.

Perspektif IKIM

IKIM published the inaugural issue of Perspektif IKIM which contained among others:

- *Message from the Right Honourable Prime Minister;*
- *Message from the Honourable Tan Sri Dato’ Seri Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Chairman of IKIM;*
- *Message from Dato’ Dr. Ismail bin Haji Ibrahim, the Director General of IKIM;*
- *Special discussions with Muslim converts and ABIM Islamic Outreach;*
- *IKIM Convention in Malacca and the opening speech by the Right Honourable the Chief Minister of Malacca;*
- *An inter-religious dialogue; and*
- *IKIM research programme.*

Dialogue

In 1992, IKIM conducted the following five dialogues:

- *A dialogue on 1993 budget with senior officers of the Ministry of Finance. 3 August 1992;*
- *A dialogue with Muslim converts on 28 August 1992 and 22 October 1992;*
- *A discussion with ABIM Islamic Outreach on 8 September 1992; and*
- *A discussion with the Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism on 30 September 1992.*

Meeting with the Right Honourable Prime Minister

On 12 August 1992, the Right Honourable Prime Minister held a meeting with IKIM’s Board of Directors and senior officers to discuss IKIM’s the objectives, functions and responsibilities.

Forum IKIM/RTM

Dua Siri Forum IKIM di RTM telah diadakan pada 2 November 1992 dan 7 Disember 1992 membincangkan mengenai "Perpaduan Kaum Di Malaysia" dan "Kerjasama Perniagaan Di Antara Kaum".

Siri Bengkel Kefahaman Islam (SIBKI)

SIBKI yang pertama telah diadakan pada 16 November 1992. Ia telah dihadiri oleh seramai 54 orang yang mewakili berbagai agensi Kerajaan.

IKIM/RTM Forum

Two IKIM's forums were broadcasted on television by RTM on 2 November 1992 and 7 December 1992, mainly "Ethnic Integration in Malaysia" and "Business Cooperation and Interdependence Between Ethnic Groups".

The Islamic Understanding Workshop Series (SIBKI)

The first SIBKI was carried out on 16 November 1992. It was attended by 54 participants representing various government agencies.



Perjumpaan Dengan Ketua Pengarang Akhbar

IKIM telah mengadakan satu perjumpaan dengan ketua-ketua pengarang/wakil-wakil akhbar tempatan dan media elektronik di Carcosa Seri Negara pada 10 Disember 1992.

Meeting With the Chief Editors


IKIM organised a meeting with the chief editors and representatives of the local print and electronic media at Carcosa Seri Negara on the 10 December 1992. This is a positive step towards building excellent press relations.

Bangunan IKIM

Bangunan Pejabat IKIM pada asalnya dicadangkan di bangunan rumah Kerajaan yang terletak di Jalan Lapangan Terbang Lama, Sungai Besi. Walau bagaimanapun, memandangkan lokasi tersebut tidak sesuai maka IKIM telah diperuntukan satu tapak baru di Jalan Langgak Tunku, off Jalan Duta, Kuala Lumpur seluas lebih kurang tujuh ekar. Pada masa ini, sementara menunggu bangunan tetap IKIM siap dibina, IKIM menyewa ruang di Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur untuk dijadikan pejabat sementara.

IKIM Building

IKIM's permanent office premises were originally proposed to be housed at the government quarters, Jalan Lapangan Terbang Lama, Sungai Besi, Kuala Lumpur. However, the site was found to be unsuitable. As an alternative, a 7-acre site at Jalan Langgak Tuanku, off Jalan Duta, Kuala Lumpur, was granted to IKIM. At the moment, while waiting for its permanent building to be completed, IKIM is renting an office in Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur.



Bangunan baru IKIM yang dicadangkan itu akan mengandungi tiga blok utama jenis dua tingkat. Bangunan ini akan menyediakan ruang pejabat pentadbiran, perpustakaan, dewan persidangan dan bilik-bilik mesyuarat/perbincangan. Sebuah ruang laman yang diperindah dengan pancutan air dan pokok-pokok bunga akan juga disediakan bagi upacara keramaian dan majlis-majlis rasmi.

Ciri-ciri yang diterapkan di dalam rekabentuk bangunan yang dicadangkan akan memberi tumpuan kepada nilai-nilai kesenian yang terdapat di negara-negara Islam dan disesuaikan dengan iklim tempatan serta keadaan tapak yang beralun.

Kerja-kerja tanah bagi projek ini telah dimulakan pada 26 November 1992 dan keseluruhan bangunan dijangka siap dalam jangkamasa 32 minggu iaitu pada akhir bulan Ogos 1993. Kos bangunan baru IKIM ini dianggarkan berjumlah RM9.102 juta.

Earthworks on the site began on 26 November 1992. The whole office complex was estimated to be ready within thirty-two weeks, i.e. around the end of August 1993. The building which is expected to cost RM9.102 million will comprise three main-storey blocks. There will be allocation for administrative office, a library cum resource centre, a conference hall, meeting and discussion rooms.



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)

Institute of Islamic Understanding Malaysia
Paras 5, Blok G Selatan, Pusat Bandar Damansara,
Damansara Height, 50490 Kuala Lumpur
Tel: 2530885/86 Fax: 2530884.